

# KEBUDAYAAN ISLAM

## KEBUDAYAAN ISLAM DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Rencana ini ialah isi syarahan saudara ‘Abdullāh Basmeh di Radio Malaya pada 20 Mac yang lalu, dalam ruangan “Kebudayaan Melayu”.

“Kebudayaan sesuatu bangsa adalah terpengaruh oleh sejarahnya, terpengaruh oleh suasana atau iklimnya, terpengaruh oleh letak negerinya dan juga terpengaruh oleh agamanya”.

Begitulah takrif seorang yang arif tentang kebudayaan.

“Kebudayaan-katanya lagi-adalah perpaduan dua kalimah iaitu “budi dan daya”. Budi, erti asalnya ialah cahaya. Cahaya di dalam jiwa yang menimbulkan pandangan nyata atas hidup, yang menimbulkan pertimbangan tentang yang baik dan yang jahat. Apabila cahaya itu bertambah terang benderang, bertambah tinggilah pula budaya bahasa, bertambah tinggilah kesopanan seseorang atau sesuatu bangsa. Ketika itu timbullah dengan sendirinya “daya upaya” dan ikhtiar manusia membongkar rahsia alam untuk kepentingan hidup. itulah yang menimbulkan kemajuan perikemanusiaan, itulah yang menimbulkan ilmu pengetahuan, falsafah, agama, kesenian dan segala macam ragamnya. Itulah yang menimbulkan bangunan-bangunan yang indah, mesin-mesin jentera, dan juga bom atom!”

Sesungguhnya, kebudayaan Melayu dan kebudayaan Islam telah bersatu padu. Perpaduan ini ini sudah sudah kelihatan semenjak agama Islam tersiar menerangi alam Melayu.

Perpaduan ini telah meliputi segenap segi masyarakat

bangsa Melayu; meliputi bahasanya, tulisannya, persuratan atau kesusasteraannya, cara berfikirnya, adat istiadatnya, pergaulannya, nikah kahwinnya, kenduri kendaranya dan hidup matinya.

Bagi mengetahui setakat mana dalamnya akar tunjang pohon “kebudayaan Islam” yang sedang terdiri dengan gagah, subur dan rendang di bumi Melayu, mustahak lebih dahulu ditinjau sejarahnya, sejarah tumbuhnya kebudayaan Islam itu di Semenanjung Melayu.

Menurut tawarikh Melayu, bahawa agama Islam telah memancarkan cahayanya di benua Melayu semenjak kira-kira 700 tahun yang lalu. Setua-tua hasil kebudayaan Islam di tanah Melayu ialah sebuah batu bersurat yang telah didapati di Kuala Berang Terengganu pada tujuh kurun dahulu. batu itu bertulis dengan tulisan melayu-huruf arab, dan bertarikh dengan tahun hijrah yang dianggarkan bersamaan dengan tahun 1327 masihi, iaitu kira-kira seratus tahun lebih dahulu, sebelum Melaka mengenal Islam.

Daripada batu bersurat yang tersebut dapatlah diketahui bahawa sebah kerajaan Melayu Islam telah terdiri di Terengganu. Bukan sahaja agamanya agama Islam bahkan kebudayaannya dan dan persuratannya bertulis dengan tulisan Islam, iaitu dengan huruf Arab-huruf al-Quran!

Tetapi menurut kitab-kitab tawarikh Islam, bahawa agama Islam telah menyenarai alam Melayu semenjak zaman sahabat, iaitu dalam zaman Sayyidina ‘Uthmān radi Allāh ‘anh, demikianlah penyiasatan Al-‘Allamah Tuan Sayyid ‘Alwī Bin Ṭāhir al-Ḥaddād, Mufti Kerajaan Johor, yang tersiar di dalam majalah “Warta Jabatan Agama Johor”.

Sebenarnya apa yang telah diterangkan oleh Tuan Sayyid ‘Alwī itu tak dapat ditolak mentah-mentah. Sekalipun tidak tersurat di dalam tawarikh yang diajar di sekolah-sekolah Melayu, dan sebabnya tidak tersurat itu, saya rasa itu sudah maklum.

Riwayat itu, yakni riwayat yang menerangkan agama Islam masuk ke alam Melayu dalam zaman Sayyidina Uthman, bolehlah diterima kebenarannya apabila diketahui bahawa agama Islam sudah pun tersiar di negeri China pada zaman Rasulullah (SAW) lalu bertambah luar siarannya di negeri itu pada zaman Sayyidina ‘Uthmān dan seterusnya.

Bagi menguatkan riwayat pentarikh Islam yang telah disalinkan oleh Tuan Sayyid ‘Alwī itu, biarlah saya menyeberang sebentar ke benua China meninjau sejarah perkembangan Islam di sana.

Di antara orang-orang yang mengatakan agama Islam telah tersiar di negeri China dalam zaman Rasulullah (SAW) ialah dua penganjur Cina Islam yang kenamaan, iaitu Tuan Ḥāji Muḥammad Ma Jian al-Sini seorang lepasan Azhar dan Tuan Ḥāji Ibrāhīm Tee Bing Ma. Kebetulan Tuan Ḥāji Ibrāhīm ada bersama-sama dengan kita di Tanah Melayu pada hari ini. Menurut riwayat mereka bahawa Islam telah masuk ke negeri

---

(\*)Di antara kitab-kitab tawarikh Islam yang mengatakan Islam telah mulai bertapak di alam Melayu dalam zaman Sayyidina ‘Uthmān ialah kitab “*Nukhbah al-Dahri fi ‘Ajā’ib al-Birru wal Baḥri*” karangan al-‘Allamah Shamsuddīn al-Ansari al-Dimashqī yang telah dicetak “Defiter Sberg” dalam tahun 1281 H (1865 M), senaskhah daripada kitab ini ada tersimpan di dalam Kutub Khanah kerajaan di Jakarta, di bawah bilangan 504.

Demikian penyiasatan Tuan Sayyid ‘Alwī.

China ialah dengan dua jalan: Dari Barat dengan jalan darat, dan dari selatan dengan jalan laut, iaitu pada peringkatnya yang pertama disiarkan oleh orang-orang Arab sendiri, dan kemudiannya oleh orang-orang Parsi, Afghan dan Turki.

Lebih lanjut Tuan Ḥāji Ibrāhīm menerangkan: “Bahawa Islam mulai masuk ke negeri China ialah pada zaman Sayyidina ‘Uthmān khalifah Islam yang ketiga menurut yang diriwayatkan di dalam kitab-kitab tarikh Islam. Tetapi-kata Tuan Ḥāji Ibrāhīm lagi-menurut tawarikh China masuknya Islam ke negeri China ialah di dalam tahun 2, masa kerajaan Chen Kwang dari keluarga Tang iaitu pada tahun 628 M dengan kiraan “*taqwim Gregory*” atau “*Gregorian Calendar*” (kira-kira pada tahun Hijrah yang kedelapan).

Riwayat ini menjadi dalil bahawa penyiar-penyiar Islam ke negeri China yang mengikut jalan laut telah melalui Selat Melaka dan Kepulauan Melayu, dan apabila mereka telah berjaya menyiarkan Islam di negeri China pada zaman itu tentulah pula mereka telah berjaya menyiarkannya di negeri-negeri yang telah disinggahi dalam pelayaran, dan di antaranya ialah Semenanjung Tanah Melayu dan gugusan pulau-pulaunya, seperti yang tersebut di dalam tawarikh Islam.

\*

Batu bersurat yang telah di dapati di Terengganu itu adalah menjadi suatu bahan yang berharga bagi penyiasat-penyiasat sejarah.

Jika tidaklah kerana batu bersurat itu, tentulah umat Melayu Islam penduduk negeri “Terengganu Tua” yang telah bertamadun dan cukup lengkap dengan kerajaan dan kebudayaan Islamnya, tentulah sejarah mereka akan berkekalan terpendam di dalam alam ghaib selamanya, dan tentulah pula anak-anak kita di sekolah-sekolah Melayu akan berkekalan mengutik-ngutikkan lidah membaca tawarikh Melayu

(sambungan muka 23)

(sambungan dari muka 9)

memperikan bahawa Melayu Melakalah yang mula-mula memeluk Islam di Tanah Melayu pada kira-kira tahun 1400 M.

Lihatlah bagaimana harganya batu bersurat itu di sisi sejarah, walaupun batu itulah semengga-mengganya yang menjadi sejarah, bukti tentang sejarah perkembangan Islam di Terengganu telah menerima hidayah Islam, sebelum negara Islam Melaka lahir di dunia?

Saya yakin, negara Islam Terengganu lebih tua daripada negara Islam Melaka bukan sahaja dengan seratus tahun bahkan dengan beberapa kurun; kerana walaupun batu bersurat itu bertarikh kira-kira pada tahun 1327 M, tetapi tarikh itu tidaklah menjadi dalil bahawa zaman itulah zaman permulaan Islam bertapak di Terengganu.

Tarikh itu, yang sebenarnya, hanya menunjukkan suatu zaman Islam di Terengganu yang tidak dapat diketahui dengan jelas permulaannya.

Malangnya tidak ada pula kitab-kitab Sejarah Melayu yang memperikan sejarah Terengganu Islam yang sampai ke tangan kita, sebagaimana Kitab Hikayat Sejarah Melayu “Tun Sri Lanang” yang telah berjasa menyuratkan kebesaran kerajaan Melayu Islam Melaka dengan indahnya.

Memang kekekurangan itu sangat-sangat menyedihkan, bahkan meremuk-redamkan hati, apabila dikenang bahawa bukan sedikit bahan-bahan sejarah yang memperikan tamadun dan kebudayaan Islam di Tanah Melayu dan seluruh kepulauannya telah tenggelam di perut laut, ketika kapal Tuan Raffles yang penuh sarat dengan beratus-ratus kitab-kitab perpustakaan Melayu, dan barang-barang tua yang bersejarah telah dijilat api bersama-sama dengan kapalnya sekali.

Kalau di dalam sejarah perkembangan Islam di negeri China seperti yang saya sebutkan tadi, dapat dijadikan alasan bahawa Islam telah bertapak di alam Melayu semenjak zaman sahabat nabi, iaitu berlainan daripada yang pernah tersebut

di dalam tawarikh Melayu, maka di dalam sejarah Indonesia terdapat bahawa Islam mula-mula bertapak ialah di Tanah Jawa bukan di Samudera dan Parsi seperti yang masyhur diketahui.

Begitulah penyiasatan Doktor Abu Hanifah, bekas Menteri Pelajaran Indonesia dan salah seorang ahli kebudayaan yang kenamaan.

Menurut Kitab Sejarah Melayu dan lain-lain kitab tawarikh Melayu dan Indonesia bahawa Islam di alam Melayu mula-mula bertapak ialah di Samudera yang terletak dalam kawasan Aceh sekarang ini, rajanya “Merah Silau” ialah raja yang mula-mula memeluk Islam lalu bergelar al-Malik al-Sālih. Baginda telah mangkat pada tahun 635 H (1297M). Demikianlah yang tertulis pada batu nisan makam baginda yang masih wujud di sana hingga hari ini.

Tetapi menurut penyiasatan Doktor Abu Hanifah yang telah disiarkan di dalam majalah “Panji Islam” bahawa Islam telah bertapak di Tanah Jawa terdahulu dengan dua kurun sebelum zaman Samudera- Pasai didatangi Islam. Kerana-katanya -kubur seorang perempuan Islam telah didapati di “Lairan” dekat dengan Gerisik bertarikh kira-kira pada tahun 1082 masihi (\*).

Maha Suci Tuhan! Rupanya makin disiasat, makin

---

(\*) Sebenarnya Doktor Abu Hanifah tidak mengatakan Jawa terdahulu didatangi Islam sebelum Samudera-Pasai, hanya beliau menerangkan di Jawa ada didapati kubur seorang perempuan Islam bertarikh kira-kira pada tahun 1082 Masihi. Tetapi oleh kerana setua-tua riwayat yang masyhur diketahui berkenaan masuknya Islam di Samudera -Pasai ialah riwayat Marco Polo yang telah singgah di Pasai pada tahun 1292 M lalu didapatinya raja dan penduduknya beragama Islam maka berdasarkan tarikh ini menjadilah Tanah Jawa lebih tua Islam di dalamnya menurut riwayat Doktor Abu Hanifah yang tersebut di atas.

Dalam pada itu saya percaya, Islam telah bertapak di Samudera -Pasai dan kawasan yang berhampiran-dengan kira-kira beberapa kurun sebelum riwayat Marco Polo itu, memandang kepada letak kawasan itu di pintu masuk ke alam Melayu dan memandang kepada perhubungan saudagar-saudagar Arab dengan kepulauan Melayu semenjak zaman sebelum Islam lagi seperti yang tercatat di dalam tawarikh-tawarikh dunia.

terserlah kebenaran, dan makin mendekati riwayat kitab-kitab tawarikh Islam yang menerangkan bahawa Islam telah bertapak di alam Melayu semenjak zaman sahabat-sahabat Nabi dahulu.

Dalam pada itu, sayogia disebut, bahawa agama Islam mulai berkembang dan merebak di bumi Melayu dengan cemerlangnya ialah dalam zaman kerajaan Islam Samudera-Pasai, lebih-lebih lagi dalam zaman Islam Melaka yang keemasan.

Dengan ini jelaslah bahawa Islam telah tumbuh dengan subur di benua Melayu lebih daripada seribu tahun lamanya, dan kebudayaannya telah menajdi darah daging bangsa Melayu

sehingga dapat mempertahankan diri daripada berbagai-bagai ancaman dari luar yang hendak memusnahkan dan meleburkan kebudayaan Islamnya.

Dengan roh keislaman inilah, berdirilah Hang Tuah anak Hang Mahmud, perwira Melayu yang menjadi simbol kegagahan dan kemegahan zaman Islam Melaka yang cemerlang, bertempik dengan kata saktinya:

“Melayu tidak akan hilang di dunia!”

Melayu yang dipuja semangatnya oleh Hang Tuah ialah Melayu Islam, yang mempunyai hasrat dan cita-cita Islam!

---

## CEPAT BERJAYA, LEKAS MUJARAB....MENAMBAHKAN PERASAAN BAHARU!

(1) Makjun Baiduri; Khas bagi kaum-kaum ibu tetap mengembalikan di zaman mula kahwin. Harga sebotol \$2.50 (2) Makjun Kuda; untuk lelaki beramal-menambahkan kuat syahwat. Harga sebotol \$ 2.00 (3) Makjun Nurul majlis: Bagi perempuan yang lepas beranak. Dimakan dia bertambah sihat. harga sebotol \$ 1.50 (4) Minyak Zaitul Falah: Bagi mereka-mereka kena bengkak-bengkak dalam sendi, biri-biri dilumur boleh diminum menghilangkan lenguh di dalam badan-harga sebotol \$ 1.50 (hendaklah sertakan 60 sen tiap-tiap pesanan sebotol ubat-risalah-risalah dapat dikirim dengan percuma apabila terima permintaan. Dapat juga dibeli ditempat-tempat ini:-

Wakil2; Che Mohd bin Abbas No. 285, Princes Road, K. Lumpur. Che Nik bin Mohd No. 16-17 Jalan Pasar, Sabak Bernam. Imam Zainuddin 103, Candle Rd. Bagan Datok. Che Embong bin Abdullah, 983.-Innes Rd. Telok Anson. Md. Said bin Mohd. Parit Hj. Baki Muar. Ab. Rahman bin Hj. Noruddin Kedai Pekan Lama, Sungkai Perak. Wakil2 di- Kelantan; Hj. Daud bin Hj. Abu Bakar 581 Jalan T. Putera. Semarak. Husain Sulaiman 703, Jalan Che Su K. B. Che Harun b. Daud 2391, Jalān Kubang Pasu K. B. Mahmud b Hj. Wok, 50 Market St. Pasir Mas. W. Husain b. Muda. K. Besut Trg. W. Ali & Son 107, Jalan Pasar, K. Besut Trg. Md. Taib Sabri, 5K. 2 Jalan Pasar, K. Dungun Trg. Che Awang Long bin Mohd Amin 87, Jalan Sungai Penaga, K. Dungun Trg. Che. Ibrahim Awang, Tanah Lot. 248, Jalan I. Dung. Trg.

**C. LONG BIN. ABU BAKAR**  
42 A. KAMPONG MASJID, ABIDIN,  
KUALA TRENGGANU.